

Examinations Department
Ministry of Education
Bandar Seri Begawan BB3510
Brunei Darussalam



جباتن ققريسان

Jabatan Peperiksaan
Kementerian Pendidikan
Bandar Seri Begawan BB3510
Negara Brunei Darussalam

Rujukan Kami : BE/G/1/2025 (64)
Our Reference

09 Zulkaedah 1446H
07 Mei 2025M

**SURAT PEMBERITAHUAN
JABATAN PEPERIKSAAN, KEMENTERIAN PENDIDIKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

BILANGAN : 2 / 2025

**PEPERIKSAAN BRUNEI-CAMBRIDGE G.C.E PERINGKAT 'O', 'AS', 'A' DAN IGCSE
OKTOBER/NOVEMBER 2025**

Dengan hormatnya sukacita memaklumkan bahawa Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pendidikan sedang membuat persediaan bagi pendaftaran Peperiksaan Brunei-Cambridge G.C.E Peringkat 'O' / 'AS' / 'A' dan IGCSE Oktober / November 2025 yang akan bermula pada **08 Mei 2025 (Khamis)** hingga **19 Jun 2025 (Khamis)**. Senarai mata pelajaran yang akan ditawarkan adalah seperti dalam lampiran yang disertakan.

1. Calon Sekolah

1.1 Syarat-syarat Pendaftaran Peperiksaan

a. Peperiksaan G.C.E Peringkat 'A'

- i. Penuntut-penuntut Menengah 6 Atas pada tahun 2025 adalah berkelayakan untuk didaftarkan bagi peperiksaan peringkat 'A'.
- ii. Setiap penuntut yang akan mendaftar peperiksaan ini dibenarkan mengambil sekurang-kurangnya satu mata pelajaran peringkat 'A'.

b. Peperiksaan G.C.E Peringkat 'AS'

- i. Semua penuntut Menengah 6 Bawah pada tahun 2025 adalah digalakkan untuk menduduki peperiksaan Peringkat 'AS' bagi bulan Oktober/November mengikut mata pelajaran yang dibenarkan oleh pihak maktab/sekolah dan semua bayaran pendaftaran akan ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan. (Setiap calon hanya dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan bagi satu sesi peperiksaan sahaja - Rujukan KPE/M7/42/2009 bertarikh 20 Safar 1430 / 16 Februari 2009)

... / 2

R

c. **Peperiksaan G.C.E Peringkat 'O'/IGCSE**

- i. Penuntut-penuntut Tahun 10 (Program Pendidikan Menengah 'General' 4 Tahun) atau Tahun 11 (Program Pendidikan Menengah 'General/Applied' 5 Tahun) pada tahun 2025 adalah berkelayakan untuk didaftarkan bagi peperiksaan peringkat 'O' / IGCSE.
- ii. Setiap calon mestilah mengambil **sekurang-kurangnya enam mata pelajaran** dan tidak melebihi lapan mata pelajaran manakala **calon mengulang** atau **calon Menengah Applied yang telah menyelesaikan BTEC program** bolehlah mengambil **sekurang-kurangnya lima mata pelajaran. Jika terdapat calon sekolah yang berhajat untuk mengambil lebih daripada lapan mata pelajaran, pihak Maktab/Sekolah hendaklah terlebih dahulu memohon kebenaran daripada Pengarah Peperiksaan.**
- iii. Penuntut-penuntut aliran **Specialised Applied Program [SAP]** yang berkebolehan dan berbakat yang disokong oleh pihak sekolah boleh didaftarkan untuk mengambil sekurang-kurangnya satu (1) mata pelajaran Brunei-Cambridge GCE O-Level dan IGCSE mengikut terma dan syarat dalam Surat Pemberitahuan Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam bilangan 3/2025 bertarikh 5 Februari 2025.

1.2 **Borang Pendaftaran**

Pihak Maktab/Sekolah adalah dipertanggungjawabkan untuk mendaftarkan calon-calon secara **online** melalui CIE Direct.

1.3 **Bayaran Pendaftaran Peperiksaan**

- i. Penuntut-penuntut yang mengulang adalah dikenakan bayaran pendaftaran peperiksaan seperti Surat Keliling Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam bilangan 1/7/1999 yang bertarikh 24 Februari 1999. Wang pendaftaran akan dikembalikan dengan syarat penuntut-penuntut berkenaan hadir semua mata pelajaran semasa peperiksaan.
- ii. Penuntut-penuntut Tahun 10 / Tahun 11 yang memegang kad pintar hijau dan semua penuntut Sekolah Swasta adalah dikenakan bayaran peperiksaan dan wang pendaftaran tidak akan dibayar balik.
- iii. Penuntut-penuntut Menengah 6 Bawah dan Menengah 6 Atas yang memegang kad pintar merah dan hijau adalah dikenakan bayaran peperiksaan dan wang tidak akan dibayar balik.
- iv. Penuntut-penuntut yang dikategorikan di bawah gagal ujian kelayakan sekolah, kurang kedatangan sekolah dan berhenti sekolah juga dikenakan bayaran pendaftaran peperiksaan dan wang pendaftaran tidak akan dibayar balik.
- v. Pihak Maktab/Sekolah hendaklah bersedia menyediakan pusat peperiksaan, pengawasan dan peralatan bila dikehendaki.

... / 3

- vi. Pihak Maktab/Sekolah adalah dipertanggungjawabkan untuk mengutip bayaran peperiksaan bagi calon-calon yang berkenaan. Pihak Maktab/Sekolah boleh:
 - vi.1 menggunakan cek atau membayar secara tunai. Pembayaran menggunakan cek hendaklah dibayar kepada Kerajaan Brunei Darussalam atau 'Government of Brunei'.
 - vi.2 dibayar secara 'online' bagi calon-calon sekolah kerajaan sahaja. Rujukan memorandum daripada Jurukira Agong Jabatan Perbendaharaan bilangan JPKK/R/272/MOE bertarikh 31 Julai 2019.
 - vi.3 **Pembayaran bagi penuntut-penuntut mengulang hendaklah dijelaskan secara tunai (bagi calon-calon sekolah kerajaan sahaja).**
- vii. Tarikh pembayaran bagi bukan rakyat / mengulang dan 'AS' level Oktober/November bagi calon pusat tingkatan enam yang berkenaan (setiap calon hanya dibiayai sepenuhnya oleh kerajaan bagi satu sesi peperiksaan sahaja) hendaklah dijelaskan mengikut tarikh bermulanya dan berakhirnya pendaftaran bagi bulan Oktober/November 2025.

2. **Calon Persendirian**

2.1 **Syarat-syarat Pendaftaran Peperiksaan**

a. **Peperiksaan G.C.E Peringkat 'A'**

- i. Calon-calon persendirian yang hendak menduduki peperiksaan peringkat 'A' mestilah lulus dengan kredit dalam sekurang-kurangnya tiga mata pelajaran dalam peperiksaan peringkat 'O' & IGCSE. Bagi calon persendirian yang baru pertama kali akan mendaftar peperiksaan, kelulusan ini mestilah dicapai sekurang-kurangnya dua tahun sebelum peperiksaan yang hendak didaftarkan.
- ii. Calon-calon mestilah menyertakan salinan-salinan dokumen seperti surat berhenti sekolah, slip keputusan peperiksaan atau sijil peperiksaan peringkat 'O' / IGCSE dan salinan kad pengenalan.
- iii. Setiap calon yang akan mendaftar peperiksaan ini dibenarkan mengambil sekurang-kurangnya satu mata pelajaran peringkat 'A'.

b. Peperiksaan G.C.E Peringkat 'AS'

- i. Calon-calun persendirian yang hendak menduduki peperiksaan peringkat 'AS' mestilah lulus dengan kredit dalam sekurang-kurangnya tiga mata pelajaran dalam peperiksaan peringkat 'O' dan IGCSE'. Bagi calon persendirian yang baru pertama kali akan mendaftar, kelulusan ini mestilah dicapai sekurang-kurangnya satu tahun sebelum peperiksaan yang hendak didaftarkan.
- ii. Calon-calun mestilah menyertakan salinan dokumen seperti surat berhenti sekolah, slip keputusan peperiksaan atau sijil peperiksaan peringkat 'O' / IGCSE dan salinan kad pengenalan.
- iii. Setiap calon yang akan mendaftar peperiksaan ini dibenarkan mengambil sekurang-kurangnya satu mata pelajaran peringkat 'AS'.

c. Peperiksaan G.C.E Peringkat 'O'/IGCSE

- i. Calon-calun persendirian yang hendak menduduki peperiksaan peringkat 'O'/IGCSE mestilah lulus **BTEC Level 1 atau Level 2, Penilaian Menengah Bawah (PMB) atau Brunei Junior Certificate of Education (BJCE)**.
- ii. Salinan dokumen seperti surat berhenti sekolah, slip keputusan peperiksaan atau sijil peperiksaan dan salinan kad pengenalan hendaklah disertakan.
- iii. Setiap calon yang akan mendaftar peperiksaan ini dibenarkan mengambil sekurang-kurangnya satu mata pelajaran peringkat 'O'/IGCSE.
- iv. Calon-calun yang tidak mempunyai kelulusan seperti yang tercatat dalam bahagian i, akan dipertimbangkan dengan syarat:
 - a. Telah mengikuti kelas Program Peningkatan Akademik di Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat sekurang-kurangnya 2 tahun sebelum menduduki peperiksaan.
 - b. Mendapat sokongan dan borang hendaklah disahkan oleh pihak Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat.

2.2 Borang Pendaftaran

Borang-borang pendaftaran dan keterangan lanjut yang berkaitan dengan pendaftaran bolehlah diperolehi dari Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pendidikan pada waktu pejabat dibuka atau melayari laman sesawang Kementerian Pendidikan di alamat www.moe.gov.bn.

2.3 Bayaran Pendaftaran Peperiksaan

Jabatan Peperiksaan hanya akan menerima bayaran pendaftaran peperiksaan dengan wang tunai.

3. Pembatalan Pendaftaran Peperiksaan

- i. Calon-calun peperiksaan yang membatalkan pendaftaran mereka disebabkan melanjutkan pelajaran atas biasiswa Kerajaan akan dibayar balik keseluruhan bayaran pendaftaran.
- ii. Calon-calun peperiksaan yang membatalkan pendaftaran mereka disebabkan masalah kesihatan akan dibayar balik keseluruhan bayaran pendaftaran dengan menyertakan dokumen rasmi dari pihak hospital.


Borang pendaftaran dan dokumen sokongan hendaklah lengkap bagi pengesahan oleh pegawai atau kakitangan Jabatan Peperiksaan yang bertugas. Jabatan Peperiksaan hanya akan menerima borang pendaftaran dan dokumen sokongan yang lengkap serta pembayaran tidak lewat daripada **19 Jun 2025 (Khamis)** pada tarikh dan jam seperti berikut:

TARIKH	HARI	SESI PAGI	SESI PETANG
08 Mei 2025 hingga 07 Jun 2025	Isnin hingga Khamis	8:00 pagi - 11:00 pagi	1:30 petang - 2:30 petang
	Sabtu	8:00 pagi - 10:00 pagi	-
09 Jun 2025 hingga 19 Jun 2025	Isnin hingga Khamis	8:00 pagi - 11:00 pagi	-
	Sabtu	8:00 pagi - 10:00 pagi	-

Borang-borang pendaftaran yang tidak lengkap / tidak disertakan dengan dokumen yang dikehendaki tidak akan dilayan.

'Pertahanan Berwibawa Ke Arah Menjayakan Wawasan Negara'

Dengan hormat,



[AWANG SHAHRIZAL BIN HAJI EMRAN / LAMPOH]
Pemangku Pengarah Peperiksaan

Salinan:

YM Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras)
YM Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras)
YM Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi)
YM Timbalan Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras)
YM Timbalan Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi)
YM Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Korporat)
YM Pengarah Sekolah-Sekolah
YM Pengarah Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan
YM Pengarah Perancangan, Perkembangan dan Penyelidikan
YM Pengarah Perancangan dan Pengurusan Estet
YM Pengarah Pengajian Tinggi
YM Pengarah Perkembangan Kurikulum
YM Pengarah/Ketua Pegawai Eksekutif Institut Pendidikan Teknikal Brunei
YM Pengarah Kenaziran Sekolah-Sekolah
YM Pengarah Pendidikan Kokurikulum
YM Pengarah Teknologi Maklumat dan Komunikasi
YM Pengarah Pengurusan Pendidik
YM Pengarah Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama
YM Pengarah Pengurusan Biasiswa
YM Pengarah Pendidikan Swasta
YM Pengarah Pendidikan Khas
YM Pengarah Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat
YM Pendaftar dan Setiausaha Universiti Brunei Darussalam
YM Pendaftar Universiti Teknologi Brunei
YM Pendaftar Universiti Islam Sultan Sharif Ali
YM Dekan Institut Pendidikan Sultan Hassanah Bolkiah
YM Pengarah SEAMEO Voctech Regional Centre
YM Ketua Bahagian Perhubungan Antarabangsa
YM Ketua Pusat Kerjasama Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (STEP)
YM Ketua Urus Setia Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan
YM Ketua Bahagian Komunikasi Korporat
YM Ketua Pusat Teknologi Pendidikan
YM Ketua Pusat Keusahawanan Inovasi
File Harian

Disertakan.....

R